**Saguhati Zakat diagih** MS4

**Satu Koperasi Satu JKKK-Mansor** MS 5



**Tanam pokok bakau demi alam** MS 20



PERCUMA

buletin **Mutiara**

Cekap Akauntabel Telus

1 – 15 JANUARI 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

**Salam Maulidur Rasul 1434H/2013 & Selamat Menyambut *Thaipusam.***

# 48 Ahli Majlis MPPP & MPSP angkat sumpah pikul amanah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Seramai 48 Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun ini (2013) yang akan berkhidmat selama enam bulan mengangkat sumpah menerima jawatan masing-masing dalam dua upacara berasingan di sini baru-baru ini.

Barisan ahli majlis terdiri daripada wakil parti DAP, PKR, PAS dan badan bukan kerajaan (NGO) mengangkat sumpah dan ikrar di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing iaitu Datuk Ar. Patahiyah Ismail bagi MPPP dan Maimunah Mohd. Sharif (MPSP).

Majlis mengangkat sumpah Ahli Majlis MPPP dilangsungkan di Dewan Persidangan Majlis, Dewan Bandaran di sini manakala MPSP, Dewan Kenanga, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

Daripada keseluruhan senarai tersebut, MPPP mengekalkan semua 24 ahli majlis sama manakala MPSP menampilkan dua muka baru bagi menggantikan ahli yang uzur dan meninggal dunia pada penggal lalu.

Dua muka tersebut ialah Syed Mikael Rizal Aidid, 33, dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Wong Chee Keat, 33 dari *Penang Chinese Chamber of Commerce* (mewakili badan bukan kerajaan).

Kesemua mereka dilantik memegang jawatan diamanatkan berkuatkuasa 1 Januari sehingga 30 Jun ini.



SYED Mikael Rizal Aidid.



WONG Chee Keat.

Guan Eng dalam ucapannya meminta agar semua ahli-ahli majlis dilantik bagi sesi 2013 supaya perlu kerap turun padang bagi meninjau masalah dihadapi penduduk dan masyarakat sekitar di kawasan masing-masing.

"Seorang ahli majlis mestilah mempunyai sikap 3B iaitu Bijak, Berani dan Bersih. Ahli Majlis yang efisien seharusnya bijak dan berani membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dihadapi rakyat.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) turut mengguna pakai sistem 3A (*Available, Accessable, Affordable*), iaitu sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, segala bentuk kemudahan perlu disediakan untuk rakyat menikmati dan mencapainya.

"Malah, segala apa yang ditawarkan kepada rakyat mestilah yang mampu untuk dibayar dan dimiliki," ujarnya ketika Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, sistem 3C yang diperkenal pakai adalah yang paling berjaya di Pulau Pinang iaitu *Cleanliness, Crime* dan *traffic Conjuction*.



PELBAGAI lapisan masyarakat bersama menyambut ambang Tahun Baru 2013 di Padang Kota Lama di sini.

"Perubahan yang amat ketara sekali dapat dilihat. Pulau Pinang kini adalah lebih bersih berbanding dahulu. Manakala, dari segi jenayah, kita (Pulau Pinang) adalah jaguh di dalam penurunan indeks jenayah terbesar dan merupakan sebuah bandaraya yang selamat diduduki.

"Dari segi masalah trafik, ianya bukan boleh ditangani dalam waktu singkat kerana memerlukan perbelanjaan yang amat besar. Tetapi pihak MPPP dan Kerajaan Negeri sentiasa berkerja keras dalam menyediakan infrastruktur terbaik dalam tempoh jangka pendek dan panjang," ujarnya.

Sementara itu, Syed Mikael ketika ditemui berkata bahawa pelantikan tersebut adalah sebagai penghargaan dan kepercayaan PBT terhadap kemampuan anak-anak muda untuk sama-sama mengurus tadbir perbandaran ke arah memberi keselesaan kepada rakyat khususnya.

"Saya akan bersama dengan rakan-rakan khusus mewakili generasi muda untuk memastikan Pulau Pinang terus kekal bersama Pakatan Rakyat (PR) di samping membantu MPSP mencapai kelas empat bintang seperti yang dikatakan oleh Ketua Menteri dalam ucapan beliau di sini baru-baru ini.

"Malah, tempoh enam bulan diberikan ini bukanlah suatu masalah dan ianya tidak penting kerana yang penting adalah tugas dapat dilaksanakan setelah diberi amanah," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP di Dewan Kenanga, di sini.

Dalam pada itu, bagi Chee Keat, tugasan yang bakal menantinya agak mencabar memandangkan MPSP kini bergerak pantas dalam memberi perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur berkualiti mahupun dalam mewujudkan persekitaran yang kompetatif.

# Perutusan Tahun Baru 2013 oleh Ketua Menteri

**Bagi Pulau Pinang, 2013 Akan Mendatangkan Penghapusan Kemiskinan Dan Meneruskan Kejayaan Memerangi Rasuah Supaya Tidak Akan Ada Rakyat Kelas Ketiga Dari Segi Ekonomi.**

Bagi Pulau Pinang, 2013 akan mendatangkan penghapusan kemiskinan dan meneruskan kejayaan memerangi rasuah supaya tidak akan ada rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, kepimpinan PR di Pulau Pinang telah bertungkus lumus untuk mengurangkan jurang pendapatan dan memperkenalkan tadbir urus CAT yang berdasarkan prinsip cekap, akauntabaliti dan telus untuk mengumpul lebihan bajet yang paling tinggi demi melaksanakan program-program sosial, membina infrastruktur trafik serta menyediakan perumahan mampu milik.

Di bawah Agenda Ekonomi Sosial (AES), Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama di Malaysia untuk menghapuskan kemiskinan dengan memastikan setiap keluarga/isi rumah mempunyai pendapatan minima RM770 sebulan. Paras garis kemiskinan adalah RM763 sebulan untuk setiap keluarga/isi rumah di Semenanjung Malaysia.

Mana-mana keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM770 sebulan akan ditambah nilai oleh Kerajaan Negeri setiap bulan. Dengan kata lain, sebuah keluarga dengan pendapatan bulanan RM600 akan menerima RM170 sebulan di bawah program AES PR. AES akan menelan belanja sebanyak RM20 juta setahun untuk Kerajaan Negeri dan majoriti penerimanya adalah orang Melayu.

Pada masa yang sama, kerja pembinaan akan bermula untuk 18,000 unit perumahan mampu milik di seluruh negeri Pulau Pinang, termasuk di bahagian pulau. Dalam tahun 2013 juga, pemilihan kontraktor-kontraktor melalui tender terbuka akan dibuat untuk lima projek kerjaraya yang besar, termasuk laluan ketiga terowong bawah air di antara *Gurney Drive* dan Bagan Ajam di Butterworth.

Usaha memerangi rasuah akan diteruskan kerana hanya kerajaan yang bersih boleh memastikan masyarakat yang berpengetahuan, adil, progresif dan makmur. Rasuah sudah pun menjadikan rakyat terbanyak di Malaysia kepada rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi. Rakyat kelas pertama adalah pemimpin BN manakala rakyat kelas kedua adalah kroni-kroni BN dan pengikut-pengikut mereka.

Malah, orang Melayu sendiri sudah menjadi rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi, ekoran skandal-skandal kewangan seperti saham Bumi bernilai RM52 bilion. RM54 bilion saham telah diperuntukkan untuk rakyat Bumiputera, tetapi Bumiputera biasa di kalangan Melayu dan dari Sabah dan Sarawak tidak mendapat walau satu saham. Kini hanya RM2 bilion yang tinggal. Sampai hari ini, kerajaan BN enggan menyiasat kerugian RM52 bilion saham Bumi.

Orang Cina juga dijadikan rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi, apabila dipaksa untuk membiayai sekolah-sekolah Cina manakala Menteri-menteri MCA dan pemimpin BN lebih berminat dalam skandal RM13.85 bilion *Port Klang Free Zone*. Orang India pula menjadi rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi dengan kegagalan skandal MAIKA yang belum diselesaikan.

Sabah dan Sarawak pula, dua negeri yang terkaya dari segi sumber asli di Malaysia, mempunyai taraf kemiskinan yang tertinggi kerana pemimpin-pemimpin mereka lebih berminat untuk memperkaya diri sendiri dan keluarga mereka. 28 juta rakyat Malaysia sudah menjadi rakyat kelas ketiga dari segi ekonomi ekoran pendedahan wang haram RM871 bilion yang dialirkan keluar dari 2001-2010 dalam Laporan Global Financial Integriti yang disediakan oleh pemerhati kewangan yang berpusat di Washington.

Pulau Pinang telah berjaya untuk membanteras rasuah dengan memenuhi 6 langkah integriti seperti berikut:

1. Menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri dan barisan EXCO.
2. Melaksanakan tender terbuka.
3. Tidak membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak kerajaan.
4. Melindungi pemberi maklumat yang tulen.
5. Menggugurkan pemimpin yang hidp mewah.
6. Berterus terang dalam sumbangan politik.

Jika integriti dimantapkan, bukan sahaja martabat insan, malah, martabat ekonomi akan dikembalikan kepada rakyat Pulau Pinang, di mana usaha akan dibalas dengan ganjaran dan peluang akan diberi kepada semua. Hanya dengan martabat ekonomi bolehlah Pulau Pinang membangun untuk menjadi bandaraya antarabangsa dan pintar yang bersih, hijau, selamat dan sihat.

**LIM GUAN ENG**




AKSI penyanyi Amy Search yang menjadi tarikan utama acara sambutan.

SEISI keluarga memeriahkan sambutan Tahun Baru 2013 di Padang Kota Lama.

PERCIKAN bunga api yang menjadi tarikan.



PULUHAN ribu pengunjung membanjiri sambutan Tahun Baru 2013.

# Pahlawan Kanang, Keng Yaik dalam ingatan

**KUALA LUMPUR –** Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng merakamkan ucapan takziah atas pemergian Pahlawan Negara, Datuk Temenggong Kanang Langkau baru-baru ini.

Menurut beliau, mendiang Kanang meninggal dunia pada 3 Januari lepas di Hospital Besar Kuching, Sarawak.

"Datuk Kanang adalah anak Sarawak dan Malaysia yang telah membanggakan negara dengan keberaniannya semasa mempertahankan negara ketika tempoh perkhidmatannya bersama Angkatan Tentera Malaysia.

"Beliau mula berkhidmat dalam *Sarawak Ranger* sebagai *Iban Tracker* dan jawatan terakhirnya ialah sebagai Pegawai Waran 1," katanya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kepahlawanan mendiang wajar diingati memandangkan mendiang pernah menerima pingat Panglima Gagah Berani (PGB) dan Anugerah Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP), iaitu pingat keberanian tertinggi negara. Malah, mendiang merupakan soldadu tunggal yang menerima pingat SP ketika masih hidup.

Sementara itu, beliau turut merakamkan ucapan takziah atas pemergian bekas Presiden Gerakan merangkap bekas Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Tun Lim Keng Yaik baru-baru ini.

Beliau berkata, mendiang, Keng Yaik, 73, seorang ahli politik yang banyak berjasa kepada negara kerana dilihat begitu lantang mempertikai beberapa tadbir urus pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri.



**MENDIANG Lim Keng Yaik – Gambar hiasan.**



**MENDIANG Kanang Langkau – Gambar hiasan.**

Justeru, beliau berkata, peranan yang dimainkan oleh mendiang selama 27 tahun, iaitu dari tahun 1986 hingga tahun 2008 wajar diingati.

"Mendiang seorang yang suka berterus terang, berjenaka dan mudah didekati akar umbi (sehingga) menyebabkan beliau mampu bertahan sebagai Presiden Gerakan selama 27 tahun dan tidak pernah tewas (di) kerusi Parlimen Bruas kepada DAP sejak 1986.

Mendiang Keng Yaik, 73, meninggal dunia kira-kira pada 22 Disember tahun lepas, kira-kira detik 5.13 petang meninggalkan balu, Toh Puan Wong Yoon Chuan serta tiga anak, termasuk Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Lim Si Pin.

# Guan Eng saman fitnah Ketua Pemuda UMNO negeri

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Shaik Hussein Mydin baru-baru ini berdepan tindakan saman gara-gara didakwa mengfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kononnya menerima rasuah dalam proses bidaan tanah kontroversi di Taman Manggis, di sini.

"Mengfitnah orang bukan amalan kebebasan bersuara. Mengfitnah orang lebih teruk dari membunuh.

"Sebab itu, adalah perlu kita mengambil langkah (saman fitnah) ini ke muka pengadilan (mahkamah) seperti dua kes (akhbar) Utusan (Utusan Malaysia) dibuktikan mengfitnah saya di Mahkamah ini sebelum ini," ujar beliau di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, di sini.

Hadir bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo mewakili Guan Eng.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Teresa Kok Suh Sim (Ahli Parlimen Seputeh) turut hadir pada sidang media itu.

Dalam writ saman yang difailkan di Mahkamah, Shaik Hussein pada 5 Oktober tahun lepas didakwa berniat jahat kerana menuduh Guan Eng menerima rasuah daripada syarikat *Kuala Lumpur International Dental Centre* (KLIDC) semasa proses membida tanah Taman Manggis, di sini dilangsungkan.

Writ saman itu menyebut, defendan secara verbal didakwa mengeluarkan kenyataan melulu serta tidak bertanggungjawab kepada wartawan kanan, Susan Loone sebagaimana dilaporkan di portal berita *Malaysiakini.com*.

Dalam artikel bertajuk '*Penang BN: 30 day payment period is discriminatory*', laporan berita itu menyebut, "Shaik Hussein menuduh Lim (Guan Eng) terlibat di dalam rasuah apabila beliau menyatakan bahawa Lim telah 'menerima rasuah' daripada syarikat tersebut - *Kuala Lumpur International Dental Centre* - yang berjaya di dalam bidanya untuk membangunkan tanah tersebut kepada sebuah pusat perubatan.

Jagdeep dari Firma Tetuan *Karpal Singh & Co.* dalam kenyataan bersama memberitahu, writ saman tersebut turut menuntut perintah injunksi melarang defenden serta sekutu-sekutunya daripada mengulangi kenyataan berniat jahat berwajib sehinggalah proses perbicaraan kes selesai.

Shaik Hussein dalam kenyataan berasingan berdalih bahawa langkah pentadbiran Guan Eng itu seakan mencemar semangat demokrasi di negeri berkenaan.

"Saya masih membuka ruang dialog dengan dia (Guan Eng) bahawa kita perlu membuktikan kes ini di 'mahkamah rakyat' sebelum dibuktikan di Mahkamah (Tinggi Pulau Pinang) ini," dalih beliau.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng sebelum ini pernah memenangi dua kes saman fitnah membabitkan akhbar bernama Utusan Malaysia sebelum saman fitnah dilakukan ke atas Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang baru-baru ini.



**JAGDEEP Singh Deo. (depan, kiri sekali) menunjukkan artikel yang disiarkan sambil diperhatikan Ketua Menteri pada majlis sidang media di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**JUMLAH BANTUAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT TAHUN (2008 hingga 14 Disember 2012)**

| BANTUAN | TAHUN (ORANG/ PERBELANJAAN) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | JUMLAH |
| WARGA EMAS (RM100) | - | - | 108,644/ RM10,864,400 | 122,689/ RM12,268,900 | 132,997/ RM13,299,700 | 364,330/ RM36,433,000 |
| WARIS WARGA EMAS (RM1000) | - | - | 1,472/ RM1,472,000 | 3,653/ RM3,653,000 | 4,624/ RM4,624,000 | 9,749/ RM9,749,000 |
| IBU TUNGGAL (RM100) | | | | 4,224/ RM422,400 | 7,315/ RM731,500 | 11,539/ RM1,153,900 |
| ANAK EMAS (RM200) | - | - | - | - | 13,976/ RM2,795,200 | 13,976/ RM2,795,200 |
| ORANG KURANG UPAYA (OKU) (RM100) | - | - | - | 5,289/ RM528,900 | 6,247/ RM624,700 | 11,536/ RM1,153,600 |
| PELAJAR EMAS (DARJAH 1, DARJAH 4, TINGKATAN 1, DAN TINGKATAN | - | - | - | - | 13,467/ RM1,346,700 | 13,467/ RM1,346,700 |

(Sumber: Pejabat Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

# 1,542 'orang agama' terima RM771,400 saguhati Zakat PP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI DUA -** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang baru-baru ini mengagihkan saguhati berjumlah RM771,400 kepada 1,542 'orang agama' daripada kalangan ahli-ahli jawatankuasa Kariah Masjid, guru-guru al-Quran serta guru-guru agama.

Yang Dipertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, inisiatif itu adalah sebagai menghargai pengorbanan mereka dalam mendidik umat Islam di negeri berkenaan.

"Saya secara peribadi sangat menghargai jasa dan usaha tok-tok guru yang mengajar agama di masjid-masjid (serta) ahli jawatankuasa kariah yang berjaya mengimarahkan masjid sehingga menjadi pusat perkembangan umat berilmu.

"Saya amat berharap dengan pemberian saguhati ini, walaupun tidak seberapa, namun, ia memberikan motivasi kepada kita untuk terus berbakti kepada masyarakat Islam di kariah kita," ujar beliau semasa berucap dan merasmikan majlis itu di Dewan Besar Sungai Dua, di sini baru-baru ini.

Ahli Pengarah Lembaga Zakat Pulau Pinang, Datuk Dr. Elias Zakaria dan Azman Abdul Samat (Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang) turut hadir pada majlis tersebut.



**MOHD. Salleh Man (berdiri, kanan sekali) sambil ditemani, Dr. Elias Zakaria (berdiri, dua dari kiri) menyampaikan sumbangan saguhati zakat kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaian di sini baru-baru ini.**

Sebanyak RM310,600 diagihkan kepada 774 penerima membabitkan 198 jawatankuasa kariah masjid.

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid menerima saguhati sebanyak RM500, manakala, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari masing-masing menerima RM300, RM500 dan RM300.

Sebanyak RM343,800 diagihkan kepada 573 guru agama seluruh Pulau Pinang dengan setiap orang menerima RM600.

Baki RM117,000 lain diagihkan kepada 195 guru al-Quran peringkat daerah Butterworth dengan setiap orang turut menerima RM600.

Sementara itu, Majlis penyerahan zakat korporat kepada MAINPP melalui Zakat Pulau Pinang turut dilangsungkan pada majlis yang sama.

Maybank Islamic Berhad menyerahkan zakat korporat sebanyak RM250,000 mengikut 'haul' 2011.

Majlis penyerahan itu dilakukan oleh Pengurus Cawangan Maybank Islamic Butterworth, Abdul Wahid Hassan dan Mohd. Azhar Jaafar (Pengurus Cawangan Maybank Sungai Dua).

Pengurus Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. Cawangan Pulau Pinang, Mohd. Redza Ahmad menyerahkan RM200,000 mengikut 'haul' 2012.

Pengurus Cawangan Public Islamic Bank Berhad Seberang Jaya, Sobri Mustapha menyerahkan RM16,000 mengikut 'haul' 2011.

Dalam perkembangan berkaitan, Elias semasa berucap mencadangkan, pihak berwajib wajar mempertimbang untuk menaikan jumlah elaun Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Kariah Masjid serta Guru Agama dan Guru Al-Quran pada kadar yang lebih munasabah memandangkan kutipan zakat saban tahun kian meningkat belakangan ini.

# RM72,480 untuk rakyat Gaza

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Tayangan video kesengsaraan rakyat Gaza sejak peperangan 1917 hingga kini yang dipaparkan bersempena Majlis Sumbangan Amal Tangisan Gaza anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SUKPP) menyentuh setiap mata menontonnya.

Melihat kesengsaraan mangsa-mangsa perang terutamanya kanak-kanak membuatkan setiap hadirin menitiskan air mata pada majlis yang turut memperoleh kerjasama Aman Palestin Cawangan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, sumbangan sebanyak RM72,480 hasil pungutan SUKPP dan jabatan-jabatan bernaung di bawah SUKPP diserahkan secara simbolik kepada Pengerusi Ahli Majlis Aman Palestin Cawangan Pulau Pinang, Ustaz Shaharuzzaman Bistaman.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus berkata, apabila merenung, cuba selami sedalamnya penderitaan penduduk Gaza yang tidak pernah sudah.

"Peperangan menghantui hidup mereka. Bayangkan anak-anak di sana hingga ingin ke sekolah sanggup melalui celah-celah tembok pemisah setinggi lapan meter.

"Bandingkan pula kemewahan kita di negara Malaysia ini," ucapnya pada majlis di sini.

Menurutnya, walaupun sumbangan tersebut dilihat kecil, tetapi amatlah besar dan bermakna bagi rakyat Gaza yang menjalani kehidupan yang derita.

Dalam pada itu, Shaharuzzaman turut tampil menyampaikan ceramah sambil membicarakan serba sedikit pengalaman beliau semasa melawat Gaza dan sempat bertemu Perdana Menteri Palestin, Ismael Haniyeh.



**FARIZAN Darus (lapan dari kiri) memegang replika cek (angka pungutan sebelum majlis penyerahan) sambil ditemani ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri untuk diserahkan kepada Aman Palestin Cawangan Pulau Pinang pada Majlis Sumbangan Amal Tangisan Gaza di sini baru-baru ini.**




**MANSOR Othman (depan, lima dari kiri), Mohd. Salleh Man (berkopiah) dan Siti Noriza Abu Bakar (empat dari kanan) bersama seluruh kepemimpinan JKKK Mukim 5 Kampung Sungai Semambu bergambar di pentas utama Majlis Penghargaan dan Anugerah JKKK Terbaik Negeri Pulau Pinang 2012.**

# JKKK Kubang Semang Sg. Semambu Mk. 5 terbaik 2012

**SEBERANG JAYA -** Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Semang Sungai Semambu Mukim 5 dipilih sebagai JKKK terbaik bagi tahun 2012 dalam saingan tahunan terbuka peringkat negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman menyempurnakan majlis penyerahan piala pusingan serta replika cek bernilai RM50,000 kepada Pengerusi JKKK berkenaan, Siti Noriza Abu Bakar.

Mansor yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi dan Pembangunan Masyarakat berkata, mulai tahun ini, saingan tersebut diadakan dua tahun sekali.

"Kalau sebelum ini, tiap-tiap tahun, diadakan Majlis Penghargaan dan Anugerah JKKK Terbaik peringkat negeri (Pulau Pinang), mulai tahun depan (2013) pertandingan JKKK terbaik akan diadakan dua tahun sekali untuk memberi lebih banyak masa kepada JKKK membuat persediaan dan penambahbaikan," ujar beliau semasa menyampaikan ucapan perasmian di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man turut berucap pada majlis jamuan malam bersama seluruh anggota JKKK Pulau Pinang di sini.

Difahamkan, hadiah penghargaan berjumlah RM50,000 tersebut berupa geran projek pembangunan komuniti, selain menerima RM5,000 tunai.

Menurut Mansor, JKKK umpama seperti 'telinga dan mata' bagi kepemimpinan Kerajaan Negeri.

Tambahnya, JKKK juga umpama seperti 'jambatan yang mengukuhkan' sokongan komuniti terhadap kepemimpinan Kerajaan Negeri.

"Semua peringkat perlu diperkemaskan supaya institusi kemasyarakatan ini (JKKK) yang mewakili Kerajaan Negeri terus disegani masyarakat di semua peringkat," ujar beliau di depan hampir 1,000 hadirin.

# Henchie janji kembalikan kegemilangan Taman Botani

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Setelah hampir 20 tahun terabai tanpa pengurusan yang efisien dan bersistem, Taman Botani Pulau Pinang (Taman Botani) atau lebih dikenali sebagai *Penang Botanical Garden* berusia hampir 128 tahun kini bakal berubah dengan pelantikan kurator baru, Stewert James Henchie.

Henchie, 60, yang merupakan mantan Presiden Kesatuan Taman Diraja Kew, London (*Royal Botanic Garden*), salah sebuah taman botani terkenal di dunia kini bakal memberi sentuhan emasnya di sini apabila dilantik sebagai perunding kurator Taman Botani.

"Bulan Mac lalu, saya telah bercuti di Pulau Pinang bersama isteri.

"Kami telah berkunjung ke Taman Botani di sini dan mendapati pengurusan taman botani yang agak menyedihkan.

"Tiada tanda nama pada pokok-pokok, pendokumenan yang tidak sistematik walaupun kelebihan memiliki tukang-tukang kebun bertauliah," katanya pada sidang media berhubung pengumuman pelantikan beliau di sini baru-baru ini.



STEWERT James Henchie.

Pengumuman tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Berpengalaman lebih 40 tahun dalam hortikultur, Henchie akan membantu dalam pengurusan, latihan dan tunjuk ajar kepada kakitangan Taman Botani termasuk pendedahan kursus kepada tukang kebun, penjagaan alatan pertukangan, landskap serta pemuliharaan bangunan atau struktur lama di sini.

Dalam pada itu, Lim Guan Eng berkata, Taman Botani mempunyai potensi sangat luas dan menjadi lokasi tumpuan orang ramai untuk beriadah terutama ketika hujung minggu.

"Walau bagaimanapun, Taman Botani telah terbiar tanpa sebarang inisiatif untuk dibangunkan dan dipelihara.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap dengan lantikan baru ini ia dapat merubah suasana dan landskap Taman Botani," ujarnya.

Beliau memberitahu, dalam usaha berkenaan, Henchie bakal digandingkan bersama Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohamad Akbar Mustapha; Penasihat *Malaysian Nature Society*, Datuk Dr. Leong Yueh Kwong dan Penasihat Persatuan Sahabat Taman Botani, Dr Liew Kon Wui untuk memastikan kegemilangan Taman Botani dapat dihidupkan semula.

"Kerajaan Negeri amat menghargai inisiatif yang diambil oleh individu-individu terbabit dalam memastikan dan berkongsi kepakaran terkini demi membangunkan semula Taman Botani.

"Sejumlah RM5.7 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan Taman Botani bagi tahun 2013," jelas beliau.

# Majlis Tahlil untuk Allahyarham P. Ramlee

**SEBERANG JAYA –** Sebagai komitmen berterusan *Penang Institute* (PI) dalam merangka program-program penghargaan tokoh-tokoh di negeri ini, satu Majlis Tahlil Allahyarham P. Ramlee dan Pejuang Seni yang lainnya diadakan di ruang legar Masjid Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari dalam ucapannya berkata, program tersebut adalah pernyataan komitmen berterusan institut (PI) dalam merangka program-program penghargaan tokoh Pulau Pinang.

Beliau kemudian turut berkongsi dengan para jemaah masjid akan deretan program-program menarik yang dirancang sepanjang sebulan Festival P. Ramlee baru-baru ini.



ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) bersama-sama para jemaah masjid menjamu selera selepas selesainya Majlis Tahlil Allahyarham P. Ramlee dan Pejuang Seni yang lainnya di sini baru-baru ini.

Malah, Zairil juga menjemput para jemaah masjid dan seluruh Pulau Pinang untuk bersama-sama memeriahkan penganjuran festival berkenaan.

Majlis Tahlil khas yang bertujuan mendoakan kerahmatan dan menghargai jasa tokoh seni hebat Allahyarham P. Ramlee adalah bersempena penganjuran Festival P. Ramlee yang diadakan di seluruh negeri baru-baru ini.

Bertempat di Masjid Seberang Jaya, majlis dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah, bacaan Yaasin, Tahlil, Tazkirah dan ditutup dengan Solat Isya' berjemaah.

Setelah selesai majlis bacaan Yaasin dan Tahlil, majlis diteruskan lagi dengan tazkirah khas disampaikan Ahli Majlis Syura Pulau Pinang, al-Fadhil Ustaz Soid Mohd. Amin.

Dalam sesi ilmu ringkas tersebut, Soid mengingati jemaah dengan pesanan agar memperkasakan amalan akhirat, malah, pada masa sama, kejayaan hidup dunia juga wajar dikejar dalam mencapai imbangan antara kedua-duanya.

# 'Satu Koperasi Satu JKKK' demi pembangunan ekonomi negeri



MANSOR Othman (kanan) melawat gerai pameran dan jualan ayam serama bersempena Majlis Perasmian Mini Karnival Koperasi dan Usahawan 2012 di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Menyedari kepentingan koperasi kepada pembangunan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil satu inisiatif menubuh dan memperbanyakkan Koperasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (Koperasi JKKK) dengan sasaran 'Satu Koperasi Satu JKKK' baru-baru ini di sini.

Sehingga kini, sebanyak 509 buah koperasi berjaya didaftarkan terdiri daripada Koperasi JKKK, Koperasi Ibu Tunggal dan Koperasi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan. Jumlah tersebut mencatatkan bahawa negeri menyumbang sebanyak 7.05 peratus daripada jumlah keseluruhan koperasi dalam negara.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang juga merangkap Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata, penubuhan koperasi adalah bermatlamat menerapkan pembudayaan keusahawanan koperasi bagi memperkasakan ekonomi rakyat sehingga ke akar umbi.

"Kerajaan Negeri mahu melihat JKKK memainkan peranan lebih aktif dalam menjana ekonomi di kawasan masing-masing dan tidak hanya tertumpu kepada hal ehwal masyarakat sahaja.

"Malahan, usaha penubuhan koperasi juga sedang dilaksanakan di peringkat kariah masjid. Selain itu, pelbagai program pengukuhan dan pemantapan koperasi sedang dirangka," ujarnya ketika Majlis Perasmian Mini Karnival Koperasi dan Usahawan 2012 di Komtar baru-baru ini di sini.

Hampir 20 buah koperasi menyertai dan memeriahkan penganjuran oleh Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pembangunan Koperasi dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Perhubungan ANGKASA Negeri Pulau Pinang.

Turut menyerikan majlis, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Makhtar Shafie, ADUN Kebun Bunga, Ong Khan Lee dan Timbalan Pengarah UPEN, Hafidzah Hassan.

Mansor berkata, Jawatankuasa MMK Koperasi 2012 memfokuskan kepada 3P iaitu Perkasakan Rakyat, Perkuasakan Rakyat dan Perkayakan Rakyat berhubung penganjuran berkenaan.

"Program ini bertujuan mewujudkan peluang-peluang perniagaan boleh diterokai oleh koperasi di Pulau Pinang dalam membangunkan pertubuhan (koperasi) masing-masing.

"Koperasi juga perlu peka serta proaktif terhadap persekitaran agar menjadi warga korporat yang bertanggungjawab," ujar beliau.

# Tiada pencerobohan pemaju

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Siasatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) mendapati bahawa pembinaan tembok setinggi dua meter dibangunkan pemaju dekat Tanah Perkuburan Islam Kampung Boundry, Air Itam yang menjadi kontroversi di sini adalah tidak memasuki kawasan tanah perkuburan terbabit.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, hasil siasatan mendapati bahawa tiada sebarang pencerobohan atau perlanggaran sempadan tanah perkuburan oleh pemaju.

"Kontraktor tidak mengalihkan mana-mana batu nisan atau meratakan mana-mana kubur.

"Timbunan batu nisan yang ada di tepi pagar tanah perkuburan tersebut telah dialihkan sejak sekian lama dan ianya kerana terdapat jenazah baru untuk dikebumikan setelah kubur berkenaan telah lama dibiarkan oleh waris atau kerana mendapan (hakisan tanah) yang berlaku di situ.

"Ia bukannya dialihkan oleh pihak pemaju atau kontraktor berkenaan" katanya yang turut menyatakan bahawa ianya adalah amalan yang biasa dibuat (mengalihkan batu nisan lama), misalnya di tanah perkuburan Islam yang sempit dan terhad pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Pada 19 Disember lalu, lebih 20 kubur di Tanah Perkuburan Islam Kampung Boundary, terjejas dipercayai diceroboh syarikat pemaju swasta yang menjalankan projek perumahan di kawasan bersebelahan.

Kejadian tersebut disedari oleh salah seorang waris yang mendapati kubur tiga ahli keluarganya diratakan selain batu nisan dicabut dan dibiarkan berselerak.

Abdul Malik memberitahu, MAINPP, JAIPP dan Jabatan Mufti akan berjumpa dengan waris keluarga yang menyatakan bahawa batu nisan ahli keluarganya dialihkan dan mencari resolusi terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Walaupun dia (waris) menolak untuk menggantikan batu nisan yang baru, kita akan adakan perbincangan.

"Saya yakin isu ini dapat diselesaikan secara baik dan berhemah tanpa dipengaruhi emosi keterlaluan dan hasutan pihak tertentu yang berniat menangguk di air keruh bagi mensensasikan isu tersebut," jelas beliau.




**ABDUL Malik Abul Kassim menunjukkan gambar-gambar yang dirakam di Tanah Perkuburan Islam Taman Boundary di sini baru-baru ini.**



**TEMBOK setinggi dua meter yang dibina di atas tapak asal kawasan berpagar bersebelahan Tanah Perkuburan Islam Taman Boundary di sini.**

Katanya lagi, Kerajaan Negeri amat prihatin terutama apabila menyentuh soal agama dan keperluan rakyat.

"Namun, ada pihak dipercayai cuba menafikan keprihatinan Kerajaan Negeri dengan memutarbelitkan isu ini (isu tanah perkuburan Kampung Boundary) dan cuba membangkitkan api kebencian kaum dengan menuding jari kepada Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri suka mengingatkan mana-mana pemaju dan kontraktor untuk mematuhi segala peraturan dan spesifikasi projek pembinaan terutama yang berdekatan tanah wakaf, tanah perkuburan dan masjid.

"Kita (Kerajaan Negeri) amat memandang serius perkara ini kerana ia berkaitan dengan sensitiviti agama," tegas Abdul Malik.

Sementara itu, Abdul Malik turut menyatakan bahawa sebuah batu nisan turut dihantar ke pejabatnya di sini baru-baru ini.

Turut menerima, Yang diPertua MAINPP, Datuk Salleh Man dan Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

"Sekarang kita memang ada masalah. Batu nisan ini semua milik siapa? Dari mana ia datang? Bagaimana nanti ada waris yang menuduh kami (Abdul Malik, Mohd. Salleh, Patahiyah) mengambil batu nisan seseorang dan menyimpannya.

"Kita akan siasat dari mana datangnya batu nisan ini dan akan pulangkan ke tempat asalnya. Kita serahkan kepada pihak berwajib yang menjalankan siasatan tersebut," tegas beliau.

# 3 pelajar khas cemerlang PMR terima penghargaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Meskipun ditakdir tergolong dalam golongan orang kurang upaya (OKU), Neoh Xin Er, 15, tidak pernah menyesali kekurangan pada dirinya, malah, menjadikan ia sebagai batu pengalas dan semangat mencabar keupayaan diri menjadi insan serta pelajar cemerlang.

Beliau yang memperoleh 7A di dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) baru-baru ini sentiasa bersikap positif dan ceria berprinsipkan bahawa setiap individu mampu meraih kejayaan.

"Setiap orang pasti boleh melakukannya dengan belajar bersungguh-sungguh.

"Kita tidak sepatutnya tewas dan mudah mengalah dengan kekurangan diri sendiri tanpa mengira apa jua bidang yang kita lakukan serta ceburi," ujar pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George pada Majlis Penyampaian Penghargaan Khas Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng diadakan bersempena penganjuran Sambutan Rumah Terbuka Hari Krismas Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) 2012.

Turut menerima, Chew Sui Teng yang memperoleh 6A 1B dan Khor Wei Quan, 7A 1B.

Semua pelajar terbabit masing-masing menerima sijil penghargaan dan sumbangan bernilai RM300 untuk Xin Er dan Wei Quan manakala, RM250 (Sui Teng).

Dalam pada itu, Guan Eng ketika menyempurnakan majlis tersebut berkata, sumbangan terbabit merupakan tanda mata kecil kepada tiga pelajar khas berkenaan.



**KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama tiga pelajar cemerlang khas PMR termasuk Neoh Xin Er (dua dari kiri) pada Majlis Penyampaian Penghargaan Khas Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

"Ini sebagai galakkan kepada pelajar khas terutamanya mereka yang mencapai prestasi baik dalam peperiksaan.

"Kejayaan mereka boleh dijadikan motivasi kepada orang lain sebagai galakkan untuk lebih berjaya," ujarnya

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak dan Iskandar Basha Abdul Kadir.

# Ahli Majlis kutip wang perlindungan tidak benar

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**S. Ragindran (dua dari kiri) bersama-sama sebahagian pengusaha bunga di Jalan Masjid Kapitan Keling menunjukkan kenyataan media menyangkal dakwaan palsu blog *imagnews.com.my* di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Dakwaan dikeluarkan melalui salah sebuah blog bahasa Cina, *http://imagnews.com.my*, menyatakan bahawa tiga Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini meminta wang pelindungan daripada para peniaga bunga di Jalan Kapitan Keling adalah tidak benar.

Kenyataan tersebut dinyatakan wakil peniaga-peniaga bunga terbabit, S. Ragindran di sini baru-baru ini.

Katanya, dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali.

"Selama lebih 20 tahun di sini, tiada seorang ahli majlis pun datang dan minta wang pelindungan daripada kami peniaga-peniaga bunga di sini.

"Tidak tahu apa tujuan dakwaan tersebut dibuat, tetapi bagi pihak peniaga-peniaga bunga di sini, dakwaan itu adalah palsu," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pada 24 Disember lalu, artikel *'DAP Councillor Solicits for Protection Money from Poor Traders'* mendakwa bahawa Ahli Majlis MPPP meminta sejumlah wang sebagai pelindungan kepada peniaga-peniaga di Jalan Kapitan Keling di sini.

Walau bagaimanapun, pada hari sama, tiga Ahli Majlis MPPP berkaitan, Ong Ah Teong, Tahir Jalaluddin Hussain dan Prem Anand tampil membuat laporan polis berkaitan dakwaan tersebut.

Ragindran memberitahu, ahli majlis banyak membantu mereka (peniaga bunga).

"Saya harap blog berkenaan (*http://imagnews.com.my*) menghentikan tuduhan yang tidak berasas ini hanya demi kepentingan politik mereka semata-mata dan harap pihak berkuasa dapat menyiasat kes ini dengan kadar segera," tegasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Little India, N. Balakrishnan yang juga merupakan salah seorang peniaga bunga di kawasan tersebut memberitahu, semua peniaga di sini membayar kadar sewaan biasa sebanyak RM30 kepada MPPP setiap bulan.

# Kompleks Jalan Kedah dicat semula

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**CHOW Kon Yeow (depan, tiga dari kanan) bersama Rosli Jaafar (depan, kanan sekali) memulakan pengecatan rasmi sebagai simbolik Majlis Pelancaran Rasmi Kerja-kerja Pengecatan Semula Kompleks Jalan Kedah di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Atas inisiatif khas Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Kompleks Jalan Kedah yang kini dalam proses pengecatan semula bakal berwajah baru!

Walaupun sepatutnya Perbadanan Pengurusan (MC) Kompleks Jalan Kedah yang sepatutnya menanggung kos penuh usaha tersebut mengikut mengikut akta Hakmilik Strata 1985 yang telah diserahkan PDC sebelum ini, namun, demi kebajikan rakyat, ia akan diusahakan menerusi insentif 80/20.

Iaitu sebanyak 80 peratus kos, RM262,440 ditanggung PDC, selebihnya oleh penduduk, RM65,610.

Malah, melalui tender terbuka, projek tersebut ditawarkan kepada syarikat Aizel Enterprise.

Menurut Ahli Parlimen Tanjong, Chow Kon Yeow, kali terakhir Kompleks Jalan Kedah dicat adalah pada 1996.

"Kerja-kerja mengecat semula dimulakan pada 18 Disember lalu dan dijangka siap pada 18 Mac ini.

"Pada masa sama, saya juga akan menghulurkan RM30,000 daripada peruntukan Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) bagi meringankan lagi beban ditanggung penduduk.

"Ini bermakna, pemilik-pemilik unit hanya perlu membayar sebanyak 10 peratus ataupun RM 35,610 sahaja," katanya pada Majlis Pelancaran Rasmi Kerja-kerja Pengecatan Semula Kompleks Jalan Kedah di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, sebelum ini, PDC juga melaksanakan beberapa kerja naiktaraf yang besar di kompleks ini melibatkan lif, sistem penggera kebakaran serta kerja-kerja mekanikal dan elektrikal selain dari penyelenggaraan biasa.

"Projek ini merupakan yang ketiga membabitkan penglibatan PDC dalam usaha pengecatan semula selain perumahan Pangsapuri Mahsuri dan Pangsapuri Mayang Pasir di Bayan Baru," ujar beliau.

# Peruntukan khas MPPP tingkat pencahayaan lampu jalan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**



**KETUA Menteri bersama ahli-ahli majlis dan pegawai MPPP menunjukkan tanda bagus di bawah limpahan lampu jalan yang dirasmikan di Jalan Stesen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

**BUKIT BENDERA –** Bagi meningkatkan kelengkapan infrastruktur rakyat negeri ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukan peruntukan khas bagi pemasangan, penyelenggaraan dan menaiktaraf lampu-lampu jalan di sini.

Pada tahun lalu, sejumlah RM6.69 juta dibelanjakan bagi kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan 33,800 buah lampu awam melibatkan laluan pejalan kaki serta kampung.

Daripada jumlah tersebut, RM3.69 juta adalah melibatkan pemasangan dan penyelenggaraan lampu awam dan bil elektrik (RM3 juta).

Bagi tahun ini, MPPP memperuntukkan RM8.45 juta bagi tujuan sama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sepanjang tahun lalu, MPPP telah memasang dan menaiktaraf hampir 500 buah lampu jalan dengan 330 daripadanya dipasang berdasarkan permohonan orang awam melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ahli-ahli majlis atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Bagi menerangkan lagi kawasan bandar, perumahan dan perkampungan, MPPP juga telah mula memasang lampu awam baru pada perselangan jarak setiap tiang lampu antara 40 meter hingga 45 meter berbanding tahun-tahun sebelumnya pada jarak antara 50 meter hingga 65 meter," katanya ketika merasmikan Pelancaran Pemasangan Lampu Jalan Tambahan di Jalan Stesen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Menurutnya, bagi tahun 2013, kerja-kerja menaiktaraf lampu-lampu awam secara berperingkat akan dijalankan di jalan-jalan utama dan kawasan yang dikenalpasti.

"Penaiktarafan tersebut adalah melibatkan penukaran kuasa lampu dari 150 Watt kepada 250 Watt, manakala dari 250 Watt pula kepada 400 Watt," katanya.

Tambah Guan Eng, sebanyak RM2.42 juta diperuntukkan bagi menaiktaraf lampu dan penggantian kabel bawah tanah di 39 batang jalan tahun lalu dan RM1.85 juta di 41 batang jalan pada 2011.

"Manakala pada 2013, RM2.25 juta melibatkan 29 batang jalan diperuntukkan bagi tujuan sama," ujarnya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Ketua Menteri turut mengumumkan tiga langkah utama dirancang Kerajaan Negeri bagi menangani masalah lalulintas dan bakal dilaksanakan secara berperingkat merangkumi aspek pelebaran serta penaiktarafan jalan, pelaksanaan jalan sehala dan penguatkuasaan undang-undang.

"Langkah berikutnya adalah penyediaan laluan ketiga Pulau Pinang - Seberang Perai dan empat projek infrastruktur utama melibatkan kos RM5 bilion.

"Ia adalah meliputi pembinaan jalan berkembar Jalan Tanjong Bungah - Telok Bahang, pembinaan *by-pass* dari Lebuhraya Dr. Lim Chong Eu – Air Itam, pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong, pembinaan *by-pass* dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan pembinaan Jambatan Ketiga Pulau Pinang," jelas beliau.

# PENCAPAIAN EXCO PERANCANGAN EKONOMI NEGERI, PENDIDIKAN & SUMBER MANUSIA, SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI, PROF. DR. P. RAMASAMY



PROF. Dr. P. Ramasamy



MAJLIS Penyampaian Bantuan Kewangan Tadika SJKT.



BERSAMA Ketua Menteri di *FMM HR Conference.*

## SUMBER MANUSIA

### Peringkat Makro

**Gaji Minima**

•Mengamalkan polisi di mana semua badan Kerajaan Negeri seperti MPSP dan MPPP, dan Syarikat Milik Negeri mengamalkan dasar gaji minima sebanyak RM1,100 (termasuk elaun, tidak termasuk kerja lebih masa).
•Penetapan gaji minima RM1,000 di Pulau Pinang adalah selepas mengambil kira kos hidup yang makin meningkat berbanding kerajaaan persekutuan, RM900.

**Hubungan Erat Dengan Kesatuan Pekerja**

•Mengekalkan hubungan baik melalui sesi-sesi dialog dan penganjuran program seperti sambutan Hari Pekerja dan lain-lain.
•Mempunyai hubungan baik dengan MTUC Negeri Pulau Pinang termasuk mengadakan sesi dialog dan membantu dalam hal-hal berkaitan. Juga dengan kesatuan-kesatuan pekerja lain.

**Melahirkan Modal Insan Berkemampuan**

•Berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi yang melahirkan modal insan terlatih, berkemahiran dan efektif di rantau ini.
•Ingin melahirkan golongan tenaga kerja berdaya saing di Pulau Pinang. Ianya boleh dilaksanakan menerusi PSDC di bawah sokongan Kerajaan Negeri. PSDC merupakan inisiatif antara Kerajaan Negeri-swasta bagi melahirkan golongan pekerja terlatih.
*PSDC merupakan institusi yang memberi latihan kemahiran kepada golongan sasaran, supaya mereka menjadi golongan pekerja berkemahiran dan mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu.

**Tenaga Kerja Berpengetahuan**

•Bekerjasama dengan pihak swasta seperti FMM dalam penganjuran kursus dan seminar bagi memberi kesedaran kepada para pekerja tentang Hak Pekerja, Undang-Undang Pekerjaan dan sebagainya.

***Penang CAT Centre***

•Ditubuhkan dengan misi untuk mengekalkan bakat sedia ada dan menarik lebih banyak bakat ke negeri Pulau Pinang.
•Menjadi perantara dengan syarikat-syarikat yang mencari pekerja dan mereka yang mencari pekerjaan.
•Badan di bawah investPenang, disokong PDC, MPPP, MPSP dan PBA dalam menjayakan visinya.

### Peringkat Mikro

•Pelbagai program dijalankan dengan kerjasama pihak swasta supaya dapat melahirkan golongan pekerja terlatih, berpengetahuan dan berdaya saing.
•Antara program yang dijalankan sepanjang tahun 2012 oleh MMK Sumber Manusia adalah seperti berikut :-
1.)Seminar *Occupational Safety And Health Management* di bawah kelolaan Persatuan Penasihat Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan Pulau Pinang
2.)3 sesi *Work and Employability Skills Programme, Luncheon Talk on Resetting Mindset To Meet Today's Challenge at Workplace, Luncheon Talk on Understanding Generation in Your Organization* di bawah kelolaan FMM.
3.)Seminar Pengurusan Stress di Tempat Kerja, Program Pengukuhan Pasukan : Berkat Sejiwa dan Program I.Am.CEO di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

## PENDIDIKAN

### Peringkat Makro

Walaupun pendidikan merupakan tanggungjawab di bawah kerajaan persekutuan, namun Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif khas mempertingkatkan tahap pendidikan pada semua peringkat bermula dari pra-sekolah hingga universiti.

**Pendidikan Pra Sekolah**

•Memperuntukkan RM100,000 kepada sekolah-sekolah Tamil untuk menjalankan pra-sekolah di sekolah-sekolah Tamil pada 2012.
•Bantuan sentiasa disalurkan kepada Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).

**Pendidikan Sekolah Rendah & Menengah**

**Bantuan Kewangan Tahunan dalam Bajet Tahunan**

•Negeri pertama dalam negara memperuntukkan peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah di dalam bajet tahunan.
•Peruntukan diberikan kepada sekolah-sekolah agama, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Mubaligh yang tidak mendapat bantuan penuh kerajaan persekutuan.
•Peruntukan RM12 juta untuk sekolah agama rakyat (SAR), sekolah rendah & menengah kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah-sekolah mubaligh setiap tahun.

**Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

PWCC yang terletak kira-kira 20 minit perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang adalah sebahagian daripada projek *The Light* fasa dua yang bukan sahaja mempunyai pusat konvensyen bertaraf antarabangsa, malah, turut mempunyai tiga buah hotel, pusat membeli-belah, lot-lot perniagaan, kediaman dan kemudahan marin.

"Perkongsian (antara IJM dan Suntec) akan menyaksikan Suntec terlibat dalam aspek merekabentuk PWCC, pemasaran dan promosi serta pengurusan operasi PWCC.

"Dan perkongsian ini juga mampu menarik minat para pelabur sekaligus meningkatkan jumlah pelaburan negeri dan pembangunan ekonomi serta sosial di Pulau Pinang," katanya.

Tambahnya, PWCC akan dibangunkan di atas tanah yang ditambak berdekatan Jambatan Pulau Pinang berkeluasan 41.2 hektar bernilai RM5 bilion.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Suntec Pulau Pinang, Arun Madhok yang mewakili Suntec dalam majlis menandatangai perjanjian persefahaman berkata, ruang legar arena PWCC berkeluasan 10,000 kaki persegi mampu memuatkan hampir 9,000 kerusi untuk satu-satu konsert bertaraf antarabangsa.



**SOAM Heng Choon (kanan sekali) dan Arun Madhok (kiri sekali) bertukar-tukar dokumen sambil disaksikan Ketua Menteri dan Teh Kean Ming pada Majlis Memeterai MoU antara IJM dan Suntec di sini baru-baru ini.**

"Projek PWCC akan diterajui oleh firma arkitek terkemuka dunia, Vx3, yang merekabentuk ibu pejabat NATO di Brussels dan *Hong Kong Convention Centre* di *Victoria Harbour*.

"Melalui pengalaman lebih 17 tahun dalam pemasaran, pengurusan dan operasi, Suntec akan mengambil alih pengurusan dan operasi PWCC setelah siap kelak," ujarnya di sini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir menyaksikan majlis bersejarah berkenaan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan PWCC sebagai salah sebuah pusat MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*) bertaraf dunia dan terkemuka.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif IJM Land Berhad, Datuk Soam Heng Choon.

## Rakyat negeri dialu-alu ke Jepun - Ryuji

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Sempena Hari Ulang Tahun Raja Jepun, Maharaja Akihito ke-79 baru-baru ini, satu acara makan malam dianjurkan pihak Kedutaan Jepun Pulau Pinang bertempat di sebuah hotel terkemuka di Lebuh Farquhar di sini.



**RYUJI Noda (kanan sekali) menyambut kedatangan para tetamu yang hadir pada Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Raja Jepun Ke-79 di sini baru-baru ini.**

Konsul Jeneral Jepun ke Pulau Pinang, Ryuji Noda yang mengetuai acara tersebut merakamkan ucapan kehormat kepada Yang DiPertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melafazkan ucapan kehormat kepada Maharaja Akihito. Nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua negara turut berkumandang.

Pada majlis tersebut, Ryuji yang baru menyandang tugas sebagai Konsul Jeneral di sini September tahun lalu memuji negeri ini dalam beberapa aspek.

"Saya sedikit sebanyak sempat mempelajari budaya dan kehidupan di Pulau Pinang sejak ditugaskan ke sini.

"Masyarakat di sini begitu ramah dan mesra. Malah, saya juga kagum dengan budaya, makanan, seni, industri dan pelancongan negeri ini.

"Tiada sebab mengapa Pulau Pinang tidak boleh mencapai taraf negeri antarabangsa," ucapnya pada Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Raja Jepun Ke-79 di sini baru-baru ini.

Pada acara tersebut, tetamu dihidangkan masakan ala Jepun, tempatan dan citarasa masakan Asia lain yang amat menyelerakan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik dan ADUN Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu.

Pada masa sama, Ryuji turut mengalu-alukan kedatangan rakyat Pulau Pinang ke Jepun dalam mempereratkan lagi hubungan dua hala di samping mengenali budaya antara satu sama lain.


**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN / REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAMAN HERBA PULAU PINANG |
| TARIKH DIBUKA | : | 30 NOVEMBER 2012 |
| TARIKH DITUTUP | : | 28 FEBRUARI 2013 |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 30 November 2012.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan dan Pengurusan Taman Herba Pulau Pinang". Cadangan lengkap hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengahari pada 28 Februari 2013 kepada:-

   **Sekretariat,**
   **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI),**
   **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,**
   **Tingkat 47, KOMTAR,**
   **10503 Pulau Pinang.**
3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Inisiatif kitar semula negeri pada taraf antarabangsa



ANTARA pengusaha-pengusaha kitar semula yang hadir pada Forum Tertutup Bersama Syarikat dan Pengeluar Kitar Semula di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kini berada satu tapak ke hadapan dan pada taraf antarabangsa berhubung inisiatif program kitar semula yang mula diimplementasikan beberapa tahun lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Pulau Pinang pada tahun 2011 mencatatkan 23.8 peratus inisiatif kitar semula berbanding anggaran perangkaan diberikan kerajaan persekutuan iaitu 22 peratus menjelang tahun 2020.

"Semua ini adalah hasil usaha masyarakat Pulau Pinang yang dilihat semakin meningkat kesedaran untuk mengitar semula.

"Saya berharap semua pengusaha, syarikat, pengeluar dan masyarakat setempat memberikan kerjasama kepada Kerajaan Negeri demi kepentingan rakyat dan anak cucu kita di masa hadapan," katanya pada penganjuran Forum Tertutup Bersama Syarikat dan Pengeluar Kitar Semula di sini baru-baru ini.

Penganjuran tersebut adalah hasil kerjasama Penang Green Council Strategies Sdn. Bhd. (PGC).

Hadir sama, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen dan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Perlesenan Majlis Perbancaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. R.R. Judy Shoba.

Bersempena penganjuran tersebut, antara isu yang dibincangkan bersama operator-operator kitar semula adalah penanda aras untuk menyemai mesej alam sekitar dan inisiatif hijau dalam kalangan syarikat-syarikat serta pengeluar-pengeluar kitar semula di negeri ini.

Menurut Boon Poh, pertemuan serta forum tersebut adalah bagi mendapatkan pandangan, bertukar fikiran dan idea untuk menguruskan bahan-bahan kitar semula dengan lebih cekap serta efisien.

"Objektif utama kita (Kerajaan Negeri) adalah mengenalpasti cara untuk mengurangkan kuantiti sisa pelupusan yang semakin meningkat saban hari di tapak pelupusan sedia ada di Pulau Burong di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahukan bahan-bahan yang telah dikitar semula diolah dan dijadikan sebagai salah satu sumber boleh diperbaharui pada masa akan datang.

"Sedikit sebanyak dengan usaha kitar semula ini bakal meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, syarikat-syarikat dan pengeluar-pengeluar di Pulau Pinang," ujarnya.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, bertudung ungu) bersama-sama para peserta menunjukkan tanda bagus pada Majlis *Flag-Off Think Blue Convoy* di sini baru-baru ini.

## 100 sertai Konvoi *Volkswagen*, MPSP lestari alam

**BATU KAWAN -** Hampir 100 buah kenderaan *Volkswagen* pelbagai model menyertai Konvoi *'Think Blue'* baru-baru ini demi merealisasikan kempen kelestarian alam di Pulau Pinang.

Konvoi kendalian bersama syarikat pengeluar *Volkswagen* Pulau Pinang, penganjur, *CreatiVision* serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tersebut bermula dari parkir Stadium Batu Kawan, di sini ke Padang Kota Lama, George Town.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif menyempurnakan upacara pelepasan konvoi tersebut.

"Konvoi ini diadakan untuk (kempen) kesedaran mengenai kelestarian alam. (Konvoi) ini satu permulaan bagi kita (MPSP)," ujar beliau di sini.

Wakil pemasaran *Volkswagen* Pulau Pinang, Elissa dan Ir. Razali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) turut hadir pada siang media itu.

Menurut Maimunah, konvoi tersebut adalah kali kedua dianjurkan secara bersama oleh *CreatiVision* dan MPSP selepas konvoi motor berkuasa tinggi pada tahun 2011.

Tambah beliau, kemuncak pada program konvoi kali ini adalah acara menanam pokok di Padang Kota Lama.

# Tanam 1,000 bakau demi alam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



SUKARELAWAN dan para peserta bertungkus-lumus menanam pokok-pokok paya bakau bagi kepentingan ekosistem marin di sini baru-baru ini.

**SUNGAI ACHEH -** Lebih 1,000 anak pokok paya bakau ditanam berhampiran Pusat Penyelidikan Paya Bakau, di sini yang membabitkan hampir 50 sukarelawan baru-baru ini.

Program sukarelawan itu adalah kendalian bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), syarikat Delta Business Solutions Sdn. Bhd. dan beberapa wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berwajib yang lain.

Ahli Majlis bagi MPSP, Stevan Sim Chee Keong merasmikan acara sukarelawan tersebut baru-baru ini.

Dua spesis anak paya bakau, iaitu Bakau Minyak (*Rhizophora Apiculata*) dan Bakau Tengar (*Ceriops Tagal*) dipilih demi menjayakan program pemuliharaan alam tersebut.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana merancang program yang penuh bermanfaat pada alam sekitar.

"Ini (program sukarelawan tanam pokok paya bakau) adalah selaras dengan (kempen) Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat untuk seluruh warga Pulau Pinang," ujarnya kepada pemberita di sini.

Pengerusi Kumpulan Kerja Alam Sekitar Pulau Pinang, Datuk Dr. Ong Hean Tee dan Ilias Shafie (Presiden Persatuan Kebajikan Nelayan Pantai Pulau Pinang, PIFWA) turut hadir pada program tersebut.

Chee Keong berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih RM92 juta di bawah Bajet 2013 demi memastikan pembangunan prasarana dan modal insan di Seberang Perai lebih mampan.

Sebelum pada itu, Pengarah Urusan Delta, Choo Eng Hin berkata, acara sukarelawan tersebut diadakan pada 24 Disember tahun lepas sempena memperingati tragedi tsunami yang berlaku pada tarikh sama pada tahun 2004.

"Melalui program penanaman ini, kami berharap dapat membantu memperbaiki keadaan seperti yang kita mengiktiraf kepentingan bakau dalam ekosistem marin," kata Eng Hin.

# PECS platform belia, ibu tunggal cungkil potensi




SALAH seorang artis muda menunjukkan bakat melukis bersempena Majlis Perasmian Pembukaan PECS di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi membolehkan para belia, ibu tunggal dan golongan kurang berkemampuan mengasah minat, bakat serta mencungkil potensi masing-masing, sekumpulan artis-artis seni dan kebudayaan muda tempatan dengan kerjasama Kerajaan Negeri mengambil inisiatif khas menubuhkan Persatuan Kaunseling Usahawan Pulau Pinang atau *Penang Entrepreneurs Counseling Society* (PECS) di sini baru-baru ini.

Umumnya, PECS juga berperanan berkongsi strategi dan konsep perniagaan dengan golongan belia termasuk ibu tunggal dalam menjana pendapatan isi rumah masing-masing.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, PECS bukan sahaja dapat meningkatkan taraf keberhasilan negeri, tetapi juga mampu membantu golongan ibu tunggal untuk menyara keluarga.

"Inilah nilai tambah yang ingin Kerajaan Negeri selitkan dalam komuniti di Pulau Pinang yang mana, kita (Kerajaan Negeri) mahukan golongan ibu tunggal khususnya meneruskan hidup dengan menghasilkan pelbagai produk kegunaan harian bagi meningkatkan pendapatan serta pengetahuan mereka.

"Kita menggalakkan ibu tunggal untuk teruskan hidup menyara keluarga tanpa berputus asa," kata Kok Fooi ketika hadir merasmikan pembukaan PECS di sini baru-baru ini.

PECS yang terletak berhadapan Hotel Sentral, Lorong Kinta di sini adalah hasil inisiatif artis-artis kebudayaan dan kesenian kelahiran Pulau Pinang yang berhasrat melahirkan generasi Pulau Pinang unggul.

Dalam pada itu, PECS yang menjadikan keusahawanan sebagai teras persatuan turut menawarkan kursus-kursus jangka pendek keusahawanan secara percuma, kelas memasak masakan tradisi nyonya Pulau Pinang, kelas sabun buatan tangan, kelas pembelajaran 1+1 antara kanak-kanak dan ibu bapa dan kelas tarian 1+1.

Selain itu, di PECS juga terdapat sudut Brand of Penang, Pinang's Pinang yang turut menjual rempah kari nyonya, barangan kosmetik semulajadi, barangan buatan tangan dan juga penjagaan diri.

PECS yang diterajui Kok Fooi turut mendapat sokongan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan orang-perseorangan dalam membantu golongan usahawan belia serta ibu tunggal tempatan untuk lebih berjaya dan berdaya saing.

# Empat pasukan terima jersi bolasepak MPSP



SALAH sebuah pasukan bergambar kenangan selepas menerima jersi masing-masing pada Majlis Penyerahan Jersi Bolasepak di sini baru-baru ini.

**SEGAK BERGAYA...** Bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan generasi muda melalui aktiviti sukan dan riadah, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui ahli majlisnya telah menyumbangkan jersi bolasepak kepada empat pasukan di sini baru-baru ini.

Pasukan-pasukan terbabit adalah membabitkan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai manakala sebuah lagi adalah Persatuan Kebajikan Sukan dan Sosial (PESUKA) MPSP.

Majlis penyampaian yang disempurnakan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud berlangsung sebelum bermulanya pertandingan persahabatan antara pasukan-pasukan berkenaan.

Ahli majlis, Ahmad Farid Md Arshad berkata, selain mengamalkan gaya hidup sihat, para pemain yang menyarung jersi berkenaan turut berfungsi sebagai duta MPSP.

"Setiap yang menyarung jersi ini harus mempunyai sikap bertanggungjawab memelihara alam sekitar dan mengamalkan budaya bersih,'' katanya pada Majlis Penyerahan Jersi Bolasepak di sini baru-baru ini.

# Tahniah Nicol




GAMBAR hiasan mempamerkan aksi Nicol Ann David.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri merakamkan ucapan tahniah kepada Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David ekoran kejayaan menjulang gelaran juara dunia buat kali ke-tujuh setelah menewaskan pemain pilihan ketiga, Laura Massaro dengan 11-6, 11-8 dan 11-6 baru-baru ini.

Ucapan tersebut dinyatakan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui kenyataan medianya di sini baru-baru ini.

Katanya, pencapaian tersebut sungguh menakjubkan kerana ia tidak pernah dicapai mana-mana rakyat Malaysia sebelum ini dan ia telah memberi inspirasi kepada wanita-wanita muda negara.

"Bagi pihak 1.6 juta rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah di atas disiplin, ketahanan dan semangat juang beliau yang telah menjadikannya pemain skuasy wanita terhebat,'' katanya di sini.

Tambah Guan Eng, kejayaan beliau merupakan hadiah terbaik kepada negeri Pulau Pinang.

"Bagi meraikan kejayaan tersebut, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bakal menganugerahkannya ganjaran bernilai RM100,000.

"Ia akan disumbangkan apabila beliau (Nicol) pulang ke sini nanti,'' ujarnya.




CIKGU Farizal.



SELAIN ternakan, projek pertanian sayur-sayuran turut diusahakan.

# Usahawan pertanian bersepadu nekad jadi pembekal utama

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**WALAUPUN** baru berusia dua tahun, ladang ternakan Farizal Hamidon seluas tiga ekar 'meriah' dengan kehadiran 1,000 ekor ayam piru, itik telur (100), angsa (20), ayam mutiara (20) dan juga ayam-ayam kampung pelbagai peringkat umur.

Selain itu, Farizal yang lebih sinonim dengan panggilan Cikgu Farizal turut mengusahakan penternakan ikan air tawar seperti keli dan puyu.

Malah, baki tanah seluas dua ekar (keseluruhan lima ekar) dipajaknya dalam tempoh 10 tahun berlokasi di Mukim E, Titi Teras, Balik Pulau terbabit turut diusahakan projek pertanian sayur-sayuran seperti salad, sawi, bayam, cili, kacang panjang, bendi dan timun bagi memenuhi pasaran tempatan serta dikitar semula sebagai bahan makanan ternakan.

Usahawan muda berusia 44 tahun berkelulusan dalam bidang Zoologi melihat bidang ternakan dan pertanian sebagai sesuatu yang amat luas prospeknya.

Menurutnya, tidak ramai yang mengetahui atau menyedari bahawa pasaran bidang berkenaan adalah amat luas.

"Pembekalan makanan di negara ini masih lagi kurang dan industri asas tani merupakan pembekal utama bahan-bahan terbabit.

"Lihat sahaja di Pulau Pinang, apabila populasi penduduk meningkat, maknanya, permintaan terhadap bahan-bahan bekalan makanan akan bertambah.

"Maknanya, siapa-siapa sahaja yang fokus dan usaha dalam bidang asas tani, pasti memperoleh pulangan cukup besar," katanya ketika ditemubual Buletin Mutiara di ladang ternakannya baru-baru ini.

Menfokuskan kepada penternakan ayam piru atau juga dikenali sebagai ayam belanda, Cikgu Farizal merupakan pembekal daging dan anak ayam piru selain turut membeli baka serta anak daripada pengusaha-pengusaha lain di pasaran negeri ini. Pada masa sama, beliau juga merupakan pembekal mesin inkubator (penetasan).

Faktor Cikgu Farizal yang berasal dari Sungai Ara di sini memilih ayam piru sebagai ternakan utama adalah disebabkan sehingga kini menurut beliau, tiada lagi pengusaha yang mengusahakannya secara komersial.

"Pasaran ayam piru adalah begitu luas. Ini kerana, tahap kolesterol daging ayam piru adalah lebih rendah daripada ayam daging. Malah, rasanya juga lebih sedap," jelasnya sambil tidak menafikan bahawa minat dipupuk sejak kecil serta sokongan berterusan daripada Pejabat Veterinar Pulau Pinang yang banyak mendorongnya mencapai tahap kini.

Menurutnya, tidak ramai yang mengetahui bahawa restoran-restoran nasi kandar tempatan menjadikan masakan daging ayam piru sebagai sebahagian daripada menu sajian utama. Selain itu, ia turut memperoleh permintaan daripada pengusaha-pengusaha satay.

Bagi Cikgu Farizal yang memiliki pelbagai pelan perancangan jangka panjang terhadap perusahaannya, jumlah 1,000 ekor ayam piru dimilikinya kini adalah dikategorikan sebagai penternakan secara kecil-kecilan.

"Bagi mencapai fasa komersial, 5,000 ekor ayam piru adalah diperuntukkan.

"Saya mensasarkan tempoh dua tahun untuk mencapai target tersebut," katanya yang kini menumpukan untuk mewujudkan pusat penyembelihan di ladang ternakannya pada tahun ini.

Lazimnya, sikap berdaya saing dan kreatif Cikgu Farizal amat dikagumi Buletin Mutiara. Secara terperinci, beliau menceritakan perancangan jangka masa panjang perusahaannya sehinggalah meluaskan pasaran sedia ada dengan berkecimpung dalam bidang sejuk beku dan pemakanan.

"Selain bercita-cita menjadi pembekal utama dalam tempoh masa dua tahun, adalah menjadi matlamat saya untuk menjadikan sajian ayam piru sinonim dengan nama Pulau Mutiara.

"Malah, saya juga berhasrat mewujudkan restoran menghidangkan makanan eksotik berasaskan ayam piru di masa akan datang," ujar beliau yang tidak menafikan bahawa penternakan ayam piru turut memperuntukkan penjagaan rapi serta tahap kebersihan optimum.



TELUR-telur ayam piru yang dieram dalam mesin inkubator.



AYAM-ayam piru yang terdapat di ladang ternakan.

*INFO :*
**Farizal Hamidon**
**Teroka Jaya Farm**
**Lot 204, 205 & 219,**
**Mukim E, Titi Teras,**
**11000 Balik Pulau,**
**Pulau Pinang.**
**013 – 508 4696**
**farizalhamidon@yahoo.com**

# Noriza Pengerusi JKKK wanita sukses!



SITI Noriza Abu Bakar.

**Dalam** sibuk-sibuk mengambil upah menjahit baju kecil-kecilan, amanah yang dipikul atas pundaknya tidak pernah dilupakan.

Tengah-tengah menggoreng ikan di dapur, kalau menerima panggilan dari Pusat Khidmat Rakyat, api dapur gas terus ditutup dan beliau bergegas demi memenuhi aduan rakyat dahulu.

Budinya yang tidak suka mengeluh serta senantiasa melemparkan senyuman kepada sesiapa sahaja yang ditemui menjadikan beliau sangat disegani Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Semang Sungai Semambu Mukim 5.

Maka, tidak hairanlah sekiranya JKKK yang dipengerusikan oleh beliau sukses dan diiktiraf sebagai JKKK terbaik bagi tahun 2012 dalam Majlis Penghargaan dan Penyampaian Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Terkasima hadirin pada Jamuan Malam itu kerana JKKK yang menjuarai saingan tahunan itu adalah seorang wanita.

Hampir semua ahli jawatankuasanya adalah wanita. Kepemimpinan wanita mentadbir kampung sampai diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.




SUDUT Sisa Sifar yang dibangunkan di peringkat kampung hasil khidmat nasihat PGC.

Pengerusi JKKK berkenaan, Siti Noriza Abu Bakar akhirnya bersetuju untuk diwawancara oleh Wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini sungguhpun pada mula menganggap kejayaan kepemimpinannya itu adalah sumbangan yang kecil kepada masyarakat serta tidak wajar diperbesarkan.

"Kami tiada apa-apa rahsia. Cuma, saya bertuah kerana mempunyai JKKK yang ada disiplin dan bersungguh-sungguh membantu saya.

"Semua perkara yang nak dibuat mesti dirancang betul-betul dengan ahli jawatankuasa.

"Semua benda kita buat secara gotong-royong. Kerja yang berat jadi ringan apabila ada perancangan, ada pengurus dan senantiasa diperbaiki kelemahan dalam urusan pengurusan kita," ujar beliau baru-baru ini.




PAPAN Makluman JKKK yang senantiasa dikemaskini untuk manfaat warga setempat.

## Kempen Alam Sekitar

Berkat kerjasama Suruhanjaya Alam Sekitar Pulau Pinang, beliau berkata, JKKK berjaya mewujudkan Sudut Sisa Sifar.

"Projek ini baru bagi kita di kampung-kampung. Apabila *Penang Green Council* (PGC) setuju untuk bidas pusat ini, kita mula melakukan kempen nilai.

"Di peringkat JKKK dulu perlu amalan budaya sifar sisa supaya jadi teladan kepada orang kampung yang lain," ujar beliau.

Beliau berkata, papan maklumat adalah medium utama menyampaikan kempen nilai ini.

## Cabaran

Beliau berkata, JKKK beliau mempunyai pelbagai perancangan, namun, tergendala disebabkan kekangan kewangan.

Mujur ada duit kutipan pasar malam tiap-tiap minggu.

"Sebenarnya kita macam-macam nak buat. RM1,000 peruntukan tiap-tiap tahun tak cukup.

"Kami di sini bertuah sebab JKKK kami *FYI* antara sempadan DUN (Dewan Undangan Negeri) Penanti dan Permatang Pasir.

"Program-program kami selalunya disokong oleh Timbalan Ketua Menteri I (Datuk Mansor Othaman, Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti) dan ADUN (Permatang Pasir) Datuk Mohd. Salleh Man," ujar beliau.

Katanya lagi, JKKK beliau sedang mencari dana untuk menganjurkan Kelas Kraftangan membabitkan wanita tempatan.

Dari segi yang lain, beliau berkata, suami dan anak cukup memberi sokongan di rumah.

"Kadang-kadang saya tinggal ikan yang tengah digoreng sebab kerja-kerja JKKK, suami tak mengeluh. Anak pun sama. Mereka cukup memahami dan selalu beri sokongan," ujar beliau.

## Harapan

"Terima kasih atas sumbangan tunai RM5,000 dengan piala pusingan. Dengan geran projek bernilai RM50,000 yang kami dapat, kami yakin boleh buat lebih banyak program lagi.

"Kalau boleh, tambah peruntukan tahunan JKKK sampai RM3,000.

"Seperkara, kalau boleh, kami perlu pejabat untuk melancarkan kerja-kerja JKKK.

"Saya lihat persaingan antara JKKK sebegini menyebabkan kami semua berlumba-lumba melakukan terbaik untuk rakyat.

"Saya memang nak sukses dalam kerja buat saya. Saya memang nak JKKK kami terus sukses. Cakna JKKK boleh menjadikan kami nadi kemajuan komuniti," ujar beliau.

# Tingkat kemudahan rekreasi Balik Pulau

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) disarankan agar meningkatkan kemudahan rekreasi dalam kalangan penduduk Balik Pulau yang dianggap masih terkebelakang pada aspeknya.

Saranan tersebut disuarakan Ahli Majlis MPPP, Mohd. Taufik Sulong ketika Mesyuarat Biasa Majlis buat kali terakhir untuk tahun 2012 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Mohd. Taufik berkata, Balik Pulau dilihat masih terkebelakang dari segi kemudahan rekreasi berbanding kawasan-kawasan lain di negeri ini.

"Saya berharap MPPP dapat meningkatkan penambahan kemudahan rekreasi dan eksploitasi sumber alam di Balik Pulau, malah, turut menjadi harapan agar *master plan* pembinaan Stadium Balik Pulau dapat direalisasikan demi kepentingan penduduk di sana (Balik Pulau).

"Selain itu, saya memohon sebuah kolam renang untuk masyarakat serta penduduk setempat di sana berekreasi, pembinaan sebuah gelanggang futsal yang memenuhi standard piawaian dan sebuah taman rekreasi seperti Taman Belia diwujudkan," ujarnya ketika ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di sini.

Dalam pada itu, Mohd. Taufik berkata, Balik Pulau adalah anugerah ciptaan Allah yang terindah dengan alam masih menghijau, berbukit, memiliki air terjun Titi Kerawang, Pantai Pasir Panjang yang cantik, Pantai Malindo yang menjadi pilihan jurufoto merakamkan suasana senja serta panorama indah di puncak bukit Pemandangan Indah.



**GAMBAR hiasan senja di Pantai Malindo, Balik Pulau yang sering menjadi tumpuan para jurufoto.**

"Saya berharap pihak Majlis dapat berkerjasama dengan Exco, jabatan dan agensi-agensi kerajaan dalam memaju serta mengeksploitasikan sumber-sumber alam ini untuk kebaikan komuniti setempat, negeri dan kemajuan sektor pelancongan Balik Pulau," ujarnya.

## MPPP rangkul anugerah *'Strategic Achievers'* kebangsaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah antara dua pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berjaya merangkul anugerah *'Strategic Achievers'* anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melalui *Multimedia Development Corporation* (MdeC) sempena *Malaysia Government Portals* and *Websites Assessment 2012* (PGWA) di Putrajaya baru-baru ini.



**PATRICK Khoo (tengah), Azrina Abu Bakar (kiri) dan Mohd. Hasan Othman menunjukkan trofi dan sijil anugerah *'Strategic Achievers'* yang dirangkul MPPP baru-baru ini di Putrajaya.**

Dalam pertandingan yang julung kali diperkenalkan itu, terdapat 1,348 portal dan laman web seluruh negara dinilai serta dianalisa sebelum hanya 281 portal dan laman web sahaja yang diiktiraf bertaraf lima bintang.

Pengarah Korporat MPPP, Patrick Khoo berkata, anugerah tersebut adalah bagi menggalakkan agensi kerajaan menyediakan lawan web yang telus dan tidak tergugat dengan isu keselamatan dinilai.

"Sebanyak 281 portal dan laman web kerajaan diiktiraf sebagai lima bintang. Daripada jumlah tersebut, hanya 28 agensi yang berjaya di dalam ujian yang baru diperkenalkan ini.

"MPPP merupakan salah satu daripada 28 agensi terpilih melalui anugerah *'Strategic Achievers'*.

"Di antara kriteria yang dinilai ialah portal serta laman web mestilah tidak tergugat dengan isu keselamatan, lulus ujian penembusan, tiada aduan awam terhadap portal dan penggunaan Bahasa Inggeris yang tepat," ujarnya pada satu sidang media khas bagi mengumumkan kejayaan tersebut di Dewan Bandaran, baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Azrina Abu Bakar dan Penolong Pegawai Tadbir Kanan Perhubungan Awam, Mohd. Hasan Othman.

Tambah Patrick, selain Majlis, PBT yang turut berjaya mencapai anugerah tersebut adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

"Selebihnya iaitu 26 portal dan laman web kebanyakannya adalah merupakan dari kementerian dan jabatan kerajaan di peringkat persekutuan," ujarnya.

## Pantau perkembangan anak-anak – Seang Hooi

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**NIBONG TEBAL –** Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Teoh Seang Hooi baru-baru ini mengingatkan para ibu bapa supaya peka berhubung perkembangan anak-anak masing-masing walaupun dalam kesibukan kerja dan rutin seharian.

Seang Hooi berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis anjuran Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Bestari, di sini baru-baru ini.

Katanya, anak-anak adalah kurniaan Tuhan yang harus dibelai dengan penuh kasih sayang dan rasa tanggungjawab.

"Justeru, saya berharap agar para ibu bapa dapat meluangkan masa berinteraksi dan menemani anak-anak supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif dalam masyarakat.

"Malah, aspek yang juga perlu ditekankan adalah perkembangan mental dan emosi yang sihat anak-anak," ujarnya di sini.

Seramai 60 kanak-kanak mengambil bahagian bagi menunjukkan bakat masing-masing dalam pertandingan berkenaan.



**TEOH Seang Hooi (tengah, kemeja biru) bergambar kenangan bersama-sama para peserta dan ibu bapa Pertandingan Melukis anjuran KRT Taman Bestari di sini baru-baru ini.**

# MPSP kutip RM11.1 juta tahun 2012



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung kuning) bergambar dengan para Ahli Majlis MPSP bagi sesi 2012 sejurus selepas selesai Mesyuarat Penuh Majlis terakhir di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya mengutip pendapatan tahunan sebanyak RM11.1 juta sepanjang tahun lepas.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, atas pencapaian itu, pihaknya berbesar hati untuk menyampaikan 15,400 buku kupon parkir secara percuma sebagai menghargai partisipasi warga Seberang Perai.

"Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa kutipan yang telah diperoleh sehingga 17 Disember 2012 adalah sebanyak RM11,115,963.27.

"Cenderahati berbentuk kupon letak kereta percuma telah diberi (sebanyak 15,400 buku) kepada pembayar cukai dan baki yang masih ada adalah sebanyak 9,600 buku," ujar beliau dalam Mesyuarat Penuh MPSP di Ibu Pejabat Kompleks MPSP di sini baru-baru ini.

Malah, katanya lagi, MPSP turut berbangga kerana kajian kepuasan pelanggan menunjukkan 85.34 peratus berpuas hati dengan mutu perkhidmatan pihak majlis.

Jelas Maimunah, itu, tidak termasuk 92.95 peratus pelan pelaksanaan 7 Fokus MPSP dari bulan Januari hingga November tahun lepas berjaya dicapai.

"Fokus yang dimaksudkan meliputi Pembersihan dan Kehijauan (94.45 peratus), Mewujudkan Eko-Komuniti (97.07 peratus), Perancangan dan Pembangunan (102.33 peratus), Penguatkuasaan (72.77 peratus), Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos (84.06 peratus), Penyertaan Komuniti dalam Pengurusan Fiskal (100 peratus) serta Pembinaan Kapasiti Modal Insan (100 peratus)," ujar beliau.

# Tiada kompromi soal kebersihan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT TENGAH –** Hasil maklum balas orang ramai berhubung tahap kebersihan sebuah restoran multinasional di *Juru Autocity,* satu pemeriksaan mengejut dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama beberapa agensi berkaitan di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Teoh Seang Hooi berkata, hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan tidak mengosongkan bekas sampah, tong sampah tidak ditutup, sinki dipenuhi timbunan pinggan-mangkuk belum dibasuh dan terdapatnya najis-najis tikus.

"Justeru, dua kompaun dikeluarkan terhadap restoran berkenaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan : Pengendali Makanan (1991)," katanya di sini baru-baru ini.



TEOH Seang Hooi menunjukkan bekas-bekas kotor di dapur restoran yang diperiksa di sini baru-baru ini.

Turut serta dalam pemeriksaan tersebut adalah Jabatan Kesihatan Negeri.

Seang Hooi dalam pada itu menegaskan bahawa MPSP tidak akan berkompromi dalam soal kebersihan dan kesihatan awam.

"Amaran keras akan diberikan terhadap pengurus restoran berkenaan dan pemeriksaan lanjut bakal dijalankan bagi memastikan segala kesalahan dilakukan telah diperbetulkan," ujar beliau.



ADDNAN Mohd. Razali (kiri) menunjukkan peta laluan trafik baru sambil diperhatikan A. Rajendran di sini baru-baru ini.

# Aliran trafik sekitar Komtar diubah atasi kesesakan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bermula 19 Disember lalu, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengimplementasikan penyusunan semula lalulintas secara ujian selama tiga bulan di sebahagian Lebuh Carnovan, sebahagian Jalan C.Y. Choy dan persimpangan berlampu isyarat Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Gat. Lebuh Macallum di sini baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. A. Rajendran berkata, pihak Majlis menyusun semula aliran lalulintas secara ujian selama tiga bulan di laluan-laluan tersebut.

"Di antara jalan yang terlibat adalah Lebuh Carnarvon di antara Jalan Magazine dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong. Laluan yang dicadangkan ialah arah aliran dua hala di sebahagian Lebuh Carnarvon di antara Jalan Magazine ke Jalan Dr. Lim Chwee Leong menggunakan sistem pandu kanan.

"Manakala di Jalan C.Y. Choy, penyusunan semula lalulintas dicadangkan sehala di sebahagian jalan tersebut dari Jalan Dr. Lim Chwee Leong ke Jalan Magazine.

"Turut terlibat, persimpangan berlampu isyarat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Gat. Lebuh Macallum yang mana para pemandu dilarang melakukan pembelokan ke kanan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Gat. Lebuh Macallum menuju ke Jalan C.Y Choy," ujarnya pada sidang media mengumumkan penyusunan semula arah aliran lalulintas di sekitar kawasan Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kejuruteraan MPPP, Addnan Mohd. Razali dan Jurutera Lalulintas MPPP, Zainuddin Mohamad Shariff.

Dalam pada itu, Rajendran berkata, lampu isyarat di persimpangan Jalan Dr. Lim Chwee Leong/Jalan C.Y Choy/Lebuh Pantai/Gat. Jalan Prangin akan dikeluarkan dengan pelaksanaan penyusunan semula lalulintas tersebut.

"Lampu isyarat akan dikeluarkan menjadikan arus aliran kenderaan dari arah Jalan Dr. Lim Chwee Leong ke arah Gat. Jalan Prangin dan Lebuh Pantai lebih lancar tanpa perlu berhenti di persimpangan empat.

"Pemandu-pemandu adalah dinasihatkan untuk mematuhi arah aliran lalulintas dan larangan-larangan yang telah ditetapkan demi keselamatan orang ramai serta kelicinan aliran lalulintas di kawasan terlibat.




SEBAHAGIAN penyokong dalam kalangan belia yang turut hadir memberi sokongan bersempena penganjuran Kejohanan Futsal Persahabatan di sini baru-baru ini.

# Pasukan tempatan juara futsal

**PENAGA –** Kehadiran pasukan jemputan khas, Kelab Fajar Hiliran Terengganu dari Terengganu merupakan tarikan utama Kejohanan Futsal Persahabatan anjuran Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan (KADUN) Penaga di sini baru-baru ini.

Perlawanan yang diadakan dalam suasana malam di Gelanggang Futsal Guar Tuan Syed di sini memperlihatkan kehebatan pasukan tempatan, Kelab Bob F.C yang berjaya meraih gelaran juara menewaskan Kelab Fajar Hiliran Terengganu dengan keputusan 3-0.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, perlawanan yang disertai oleh 10 kelab tersebut berjaya mengumpulkan hampir 300 belia.

"Acara yang diadakan bukan hanya mampu mengeratkan silaturahim sesama penduduk setempat, malah, juga sebagai aktiviti riadah yang menyihatkan," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

# Inisiatif hadapi banjir dilaksana

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI DUA –** Rentetan cuaca yang kerapkali hujan, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohd. mengambil inisiatif khas dengan membaikpulih sistem saliran serta perparitan sedia ada di sini baru-baru ini.

Menurut Zahadi, pembinaan serta baikpulih sistem saliran dan peparitan adalah bagi persediaan menghadapi kemungkinan banjir di beberapa kawasan sekitar di sini.

"Keadaan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini dengan hujan di sebelah malam menyebabkan penduduk di kawasan rendah mulai bimbang.

"Parit-parit yang dibina ini bukan sahaja memberi sedikit kelegaan kepada mereka, tetapi juga membolehkan semua pihak bersedia menghadapi bencana banjir sekiranya terjadi," katanya di sini baru-baru ini.

Antara kampung-kampung yang terlibat dengan pembinaan sistem saliran dan peparitan tersebut adalah Sungai Lokan, Permatang Tok Jaya, Lahar Yooi dan Guar Kepayang di sini.

Dalam pada itu, beberapa laluan kampung turut ditarkan bagi memberi kemudahan dan keselesaan terutama kepada penduduk di kampung Simpang Empat, Kampung Tobiar dan Pajak Song di sini.





ZAHADI Mohd. Ketika membuat pemantauan kerja-kerja pembinaan laluan mini tar di sini baru-baru ini.

## Kelas tuisyen percuma untuk pelajar DUN Batu Maung

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG –** Seramai 81 pelajar terdiri daripada anak-anak keluarga Persatuan Nelayan Permatang Tepi Laut di sini teruja apabila masing-masing menerima bantuan beg dan baucar persekolahan bernilai RM120 di sini baru-baru ini.

Turut menerima sumbangan sama adalah 350 pelajar dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung dengan setiap kawasan diwakili 35 pelajar terpilih.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, sumbangan tersebut adalah sebagai persediaan bagi pelajar-pelajar terbabit menghadapi sesi persekolahan baru.

"Sumbangan yang diberikan adalah kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada RM1,000 hingga RM2,000.

"Bantuan ini merupakan kesinambungan buat tahun keempat,'' katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan yang diadakan di Dewan Persatuan Nelayan Permatang Tepi Laut di sini baru-baru ini

Hadir sama, Ketua Unit Nelayan, Mohd. Kassim Mohamed.

Dalam pada itu, Abdul Malik memberitahu, beliau kini dalam usaha mewujudkan kelas tuisyen secara percuma kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertempat di dewan-dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini.

"Diharap bantuan tuisyen dan persekolahan ini dapat mengurangkan beban ibu bapa dan memberikan semangat untuk memajukan anak-anak hingga berjaya," ujarnya.



ABDUL Malik Abul Kassim (belakang kemeja putih) bersama-sama para pelajar menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan di sini baru-baru ini.

# 173 pelajar terima sumbangan baucar persekolahan



JAGDEEP Singh Deo (duduk, tiga dari kiri) beramah-mesra bersama sebahagian pelajar yang menerima sumbangan baucar kelengkapan persekolahan di sini baru-baru ini.

**DATOK KERAMAT –** Sejumlah 173 pelajar sekolah rendah dan menengah dari tujuh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Datok Keramat baru-baru ini menerima sumbangan baucar kelengkapan persekolahan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, sumbangan tersebut adalah acara tahunan melibatkan kesemua JKKK di DUNnya.

"Sejumlah RM13,154.00 telah diperuntukkan setiap tahun.

"Setiap pelajar menerima antara RM70 ke RM90 baucar yang membolehkan mereka membeli pakaian seragam lengkap," katanya pada Majlis Penyampaian Baucar Kelengkapan Persekolahan di sini baru-baru ini.

Kira-kira 250 pelajar dan ibu bapa dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah hadir dalam majlis ringkas berkenaan.

"Pegangan saya, yang susah harus dibantu, dan tanpa syarat.

"Tidak kira apa bangsa dan agama, mahupun pegangan politik, kita sampaikan sumbangan secara adil dan saksama," tambahnya lagi.

# TADIS Surau Bagan Tambang peroleh komputer riba




SALEHIN Mohamed (kiri sekali) menyampaikan sumbangan komputer riba kepada Mohamad Nor Bakar (dua dari kanan) sambil diperhatikan ahli qaryah Surau Bagan Tambang di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TELOK AYER TAWAR –** Baru-baru ini bertempat di Surau Bagan Tambang, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Ayer Tawar, Salehin Mohamed menyampaikan sumbangan komputer riba berserta projektor kepada pengurusan surau berkenaan di sini.

Menurut Salehin, sumbangan tersebut adalah bagi kegunaan Tadika Islam (TADIS) surau berkenaan.

"Sekurang-kurangnya, kini guru tadika boleh menggunakan komputer riba dan projektor bagi tujuan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik.

"Kanak-kanak akan lebih cepat belajar melalui perkakasan interaktif dan diharap ianya dapat digunakan dengan sebaiknya dalam mendalami ilmu-ilmu agama," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sumbangan komputer riba dan projektor disampaikan kepada Pengerusi Surau Bagan Tambang, Mohamad Nor Bakar.



SIM Tze Tzin (hadapan, dua dari kanan) ketika menghadiri perayaan tahunan Kuil Shri Krishnan Bhagavad di sini baru-baru ini.

# ADUN Pantai Jerejak berjiwa rakyat

**MUHIBBAH...** Adalah menjadi kemestian bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin untuk memenuhi jemputan majlis-majlis yang diadakan di sekitar kawasan Dewan Undangan Negerinya.

Terbaru, beliau telah hadir ke perayaan tahunan Kuil Shri Krishnan Bhagavad di Bayan Baru di sini.

Perayaan disambut mereka yang berketurunan Hindu tersebut adalah sebagai tanda kemenangan kuasa kebaikan terhadap kuasa kejahatan.

Pada majlis tersebut, Tze Tzin menyatakan bahawa kerjasama semua rakyat adalah diperlukan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri ke arah negeri yang bertaraf antarabangsa.




**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS**

**PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS**